

Headline **2,571 tahanan meninggal di penjara sejak 1999**
 Date **24. Mar 2009** Language **MALAY**
 Media Title **Sinar Harian** Page No **N7**
 Section **Nasional** Article Size **155** cm2
 Circulation **60000** Frequency **Daily**
 Readership **0** Color **Full Color**
 AdValue **854.37**



2,571 tahanan meninggal di penjara sejak 1999

KUALA LUMPUR - Sejumlah 2,571 orang tahanan meninggal dunia di penjara manakala sejumlah 153 kes kematian dalam tahanan polis berlaku sejak 1999 hingga 2008 akibat pelbagai penyakit, kata Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Berdasarkan rekod Jabatan Penjara, jumlah itu merangkumi penghuni ditahan di penjara, pusat pemulihan akhlak dan depot Pendatang Asing Tanpa Izin (Pati) (2002 hingga 2007 masih di bawah pengurusan Jabatan Penjara), katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Liew Chin Tong (DAP-Bukit Bendera) di Dewan Rakyat, di sini.

Liew bertanya bilangan kematian dalam lokap polis dan penjara berlaku sejak 1999 dan sebab-sebab kejadian setiap kes. Beliau juga mahu tahu sama ada setiap kes tersebut disyaratkan dengan laporan koroner.

Mengenai punca utama kematian, Syed Hamid berkata, herdasar-



Berdasarkan laporan koroner dan laporan pegawai perubatan, kematian adalah disebabkan penyakit seperti HIV/Aids, septisemia, pulmonari tuberkulosis, kanser, sakit jantung, masalah darah dan asma.

- Syed Hamid

kan laporan koroner dan laporan pegawai perubatan, kematian adalah disebabkan penyakit seperti HIV/Aids, septisemia, pulmonari tuberkulosis, kanser, sakit jantung, masalah darah dan asma.

"Punca lain yang dikenal pasti menyumbang kepada kematian tahanan adalah bunuh diri dan pergaduhan sesama tahanan sehingga menyebabkan kematian," katanya.

Syed Hamid berkata, daripada jumlah 2,571 tahanan yang telah meninggal dunia di institusi pen-

jara, sebanyak 2,536 (98.7 peratus) kematian berlaku di hospital iaitu semasa penghuni berkenaan sedang menerima rawatan.

Sebanyak 22 kematian (0.8 peratus) berlaku dalam perjalanan ke hospital dan 13 (0.5 peratus) kematian berlaku di institusi penjara.

Berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan, semua kes kematian tahanan telah dibuat laporan polis, dijalankan siasatan, dilaksanakan inkuet koroner dan dimaklumkan kepada anggota keluarga, katanya.

- BERNAMA